

Keberkesanan Pendekatan *Narrow Reading* terhadap Kefahaman Membaca Teks Islamik

The Effectiveness of The Narrow Reading Approach Towards The Reading Comprehension of Islamic Texts

AL-MUSLIM MUSTAPA
ZULKIFLI NAWAWI
SALAMIAH AB. GHANI
MARYAM ABDUL RAHMAN
ZURAIIDA SHAADON
NUR SYAZWINA MUSTAPA

ABSTRAK

Pelajar pengajian Islam perlu cekap menguasai sumber primer bidang pengajian Islam yang hampir keseluruhannya dalam bahasa Arab. Hal ini boleh direalisasikan melalui pembentukan dasar pengajaran dan pembelajaran pengajian Islam yang betul. Pendekatan Narrow Reading (NR) adalah salah satu teknik pemilihan teks bacaan ekstensif yang bertujuan meningkatkan kecekapan membaca berdasarkan topik atau bidang tertentu. Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan teknik NR dalam meningkatkan kefahaman membaca teks Islamik oleh pelajar pengajian Islam. Seramai 47 pelajar fakulti pengajian Islam telah dipilih sebagai sampel. Reka bentuk kajian eksperimental digunakan dengan melaksanakan intervensi kepada sampel kajian. Hasil kajian diperolehi menerusi analisis Paired t-test dan eta squared. Dapatkan menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam kefahaman teks Islamik setelah intervensi NR diterapkan dan saiz kesan intervensi juga besar. Dapatkan diperkuatkan dengan analisis linguistik teks bacaan yang digunakan. Kajian mendedahkan beberapa implikasi penting dan mencadangkan kajian lanjutan sebagai kesahan keberkesanan teknik NR kepada pelajar pengajian Islam.

Kata kunci: *Narrow Reading; kemahiran membaca; kefahaman membaca; pengajian Islam; bacaan ekstensif*

ABSTRACT

Students of Islamic Studies need to master the Islamic primary sources as the entire primary source of Islamic studies are mostly in the Arabic language. This can be realized through the formation of proper teaching and learning of Islamic studies. Narrow Reading (NR) is one of the approaches in Extensive Reading aimed at improving reading efficiency by topic or field. This study evaluates the impact of NR techniques to improve reading comprehension of Islamic texts by students of Islamic studies. A total of 47 students from the faculty of Islamic studies were selected as samples for this study. Pre-test and post-test are conducted before and after 2 weeks of NR applied in Extensive Reading activities. Paired t-test analysis is used for test results. The findings show a significant difference in the understanding of Islamic texts after the implementation of NR. Magnitude of the intervention's effect (eta squared) were huge. The findings are reinforced by usage of linguistic analysis of the Islamic jurisprudence text. The results of the analysis shows the relationship between lexical and semantic. The use of NR techniques is established to assist Islamic studies reduce the burden of understanding Islamic text reading. The study provides important implications and recommends further studies as a validity of the effectiveness of NR techniques for Islamic studies' students.

Keywords: *Narrow reading; reading skills; reading comprehension; Islamic studies; extensive reading*

PENDAHULUAN

Bacaan Ekstensif dalam pengajaran bahasa asing membawa pelajar kepada membaca teks atau buku yang rencam. Pelajar membaca dari satu

topik ke topik yang lain seperti membeli belah, keluarga, peristiwa, fiksyen, ilmiah dan lain-lain (Krashen 2004). Namun, topik yang pelbagai dan berbeza-beza mungkin tidak sesuai untuk objektif pembelajaran bahasa Arab bagi tujuan pengajian

Islam. Tujuan khas tersebut tidak dapat dipenuhi sekiranya pendedahan bahan bacaan tidak dipilih dan dikawal. Justeru, pendekatan yang dicadangkan ialah Narrow Reading (NR). NR menerusi bacaan terpilih adalah terkawal dan fokus kepada tajuk dan bidang. Ini lebih membantu pelajar bahasa Arab untuk pengajian Islam supaya menguasai bidang pengkhususan menerusi kemahiran membaca teks bahasa Arab yang baik (Al Muslim Mustapa 2018).

Konsep NR timbul berdasarkan idea pemerolehan struktur bahasa dan perkataan yang berpunca dari pendedahan yang berulang kali terhadap sesuatu kandungan yang komprehensif. Melalui NR, seseorang akan memahami satu topik daripada pelbagai teks yang telah dibaca. Proses yang berulangan kali tetapi terfokus akan membantu pelajar menguasai struktur bahasa dan perkataan dalam tajuk atau bidang sama.

Bahan bacaan sedia ada dalam bidang pengajian Islam menyokong pelaksanaan NR dalam kurikulum. Terdapat fenomena perkaitan idea yang jelas dalam kepelbagaian bahan bacaan berkaitan Islam (Al Muslim Mustapa 2018). Sumber bacaan primer pengajian Islam kebanyakannya adalah matan, syarah, hasyiah dan ringkasan. Matan ialah teks asas sesuatu ilmu seperti matan Safinah al-Naja dalam ilmu fikah, Baiquniah dalam hadis atau Ajrumiah dalam sintaksis Arab. Menurut al-Habsyi (2004), buku dalam kategori syarah ditulis bertujuan untuk menjelaskan kesamaran atau penjelasan lanjut kepada buku Matan. Buku hasyiah dianggap sebagai syarah lanjutan kepada syarah yang pertama. Pada asalnya, ia adalah catatan atau nota untuk menjelaskan kekeliruan yang muncul dalam syarah pertama atau menyatakan perkara yang tidak disebutkan dalam syarah. Buku ringkasan pula bertujuan meringkaskan idea penulis asal agar mudah dikuasai dan ingati oleh pelajar. Buku ringkasan juga popular dan ditulis oleh ramai tokoh bidang pengajian Islam.

Ini menunjukkan bahawa maklumat di setiap kategori buku hampir berkisar pada idea asas yang tercatat pada buku matan. Menurut al-Habsyi (2004), matan yang paling banyak mempunyai buku syarah telah diterima dan digunakan dalam pengajian Islam, seperti matan Ajrumiah dalam tatabahasa Arab, matan Minhaj al-Talibin, Hidayah, Mukhtasar Khalil dan Mukhtasar Khiraqi dalam fikah 4 mazhab, Sahih Bukhari dan hadis 40 dalam hadis, Nukhbah al-Fikr dalam ilmu hadis dan lain-

lain. Rentetan itu, implementasi NR akan memberi kesan positif kepada pembaca untuk menguasai pengetahuan latar dan idea utama yang menjadi arus perdana pengajian Islam. Bekalan pengetahuan awal ini membantu pelajar untuk terus meneroka bahan bacaan dan memproses kefahaman dengan lebih cepat dan lancar.

Bertitik tolak dari jangkaan kesan positif NR kepada kefahaman bacaan teks islamik, kajian ini bertujuan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan dalam keupayaan memahami teks berkaitan Islam oleh pelajar pengajian Islam setelah intervensi NR dilakukan. Penilaian di buat secara sistematis dan empirikal.

METODOLOGI

Kajian adalah kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk eksperimental. Kajian eksperimental ini melibatkan satu kumpulan pelajar yang dinilai pada dua waktu yang berlainan setelah mereka didedahkan kepada intervensi tertentu (Pallant 2011). Kajian ini mengambil sampel seramai 47 orang pelajar yang mengikuti kursus PPPY1112 kemahiran Membaca Arab di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pelajar-pelajar ini dibahagikan kepada 3 kumpulan untuk memudahkan proses intervensi dilaksanakan. Untuk memastikan hasil kajian yang tekal dan dipercayai, semua sampel adalah pada tahap kecekapan bahasa Arab yang sama. Oleh itu, satu ujian pengukuran tahap dilaksanakan kepada semua sampel dan didapati mereka berada pada tahap sederhana.

Variabel bersandar dalam kajian ini adalah kefahaman teks, manakala variabel bebas adalah aktiviti NR. Dalam kajian eksperimental, rawatan aktiviti NR akan diberikan kepada kumpulan rawatan. Untuk itu, teks Bacaan Ekstensif yang terpilih diberikan kepada pelajar semasa proses intervensi. Proses Intervensi NR teks berkaitan pengajian Islam berlaku dalam tempoh 3 minggu selepas ujian pra. Terdapat 2 ujian kefahaman teks diberikan kepada kumpulan rawatan. Ujian pra sebelum intervensi dan ujian pasca selepasnya. Soalan berbentuk objektif diberikan untuk menguji kefahaman teks bacaan. Pemarkahan kedua-dua ujian dilaksanakan dengan nilai keseluruhan markah ialah 100 dan dimasukkan dalam perisian Excel. Teknik analisis *Paired T-test* dilakukan untuk mencapai objektif kajian dengan mengambil kira *overall significance* dan *mean*

values. Selain itu, pengiraan saiz kesan (eta squared) dilaksanakan untuk menentukan magnitud kesan intervensi aktiviti NR dalam kumpulan (Pallant 2011).

Kajian juga mengemukakan analisis linguistik terhadap teks NR yang digunakan dalam kajian ini. Analisis bertujuan memberi gambaran yang lebih jelas tentang dapatan kajian kuantitatif eksperimental dari sudut beban leksikal dan semantik dalam teks. Dapatan analisis digunakan sebagai sokongan dan pelengkap kajian ini.

MATERIAL NR

Teks bacaan dipilih berdasarkan genre dan tajuk dalam bidang pengajian Islam.. Krashen (2004) dan Chang dan Millett (2017) mencadangkan agar aktiviti NR dimulakan dengan teks pada tahap rendah kemudian meningkat ke tahap seterusnya. Oleh itu, pemilihan teks NR dilaksanakan dengan mengambil kira kandungan idea dan tahap kesukaran

Teks bacaan terpilih dalam kajian ini adalah dari genre fikah pada tajuk solat hari raya. Teks pertama adalah tajuk solat hari raya dari buku *Fathul Qarib* dan teks kedua adalah tajuk yang sama dari buku *Umdah al-Salik*. Oleh kerana tujuan NR antara lain

ialah meningkatkan keberkesanan kefahaman dalam bacaan lanjutan melalui pendedahan awal maklumat latar dan kata kunci leksikal, kajian ini menggunakan teks dari buku *Minhaj al-Talibin* sebagai teks ujian pra dan pasca. Ujian berbentuk objektif bertujuan menguji kefahaman teks bacaan. Ketiga-tiga buku ini dipilih kerana ia mewakili tahap pengajian genre fikah yang berbeza dan berturutan. al-Kaf (2003) dan al-Yafi'e (2005) telah menyenaraikan kedudukan *Minhaj* adalah lebih tinggi dari *Umdah* dari sudut pengajian fikah yang berperingkat. Buku *Umdah al-Salik* dalam kategori buku matan peringkat pertengahan dan matan *Minhaj al-Talibin* pula diletakkan di kalangan buku peringkat tinggi. Manakala buku *Fathul Qarib* berada pada peringkat paling bawah berbanding buku *Umdah al-Salik* dan *Minhaj al-Talibin*.

Selain pemeringkatan tahap yang berbeza, bilangan perkataan juga berbeza. Bilangan perkataan teks 1 ialah 256 patah perkataan dan teks 2 ialah 267 patah perkataan. Manakala teks ujian berjumlah 315 patah. Perbezaan *token* berlaku pada ketiga-tiga teks meskipun tajuk teks adalah sama iaitu solat hari raya. Perbezaan token ini mungkin ada kaitan dengan tahap teks yang berbeza.

JADUAL 1. Tahap Material NR

Tahap	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3
Buku (Solat Hari Raya)	<i>Fathul Qarib</i>	<i>Umdah al-Salik</i>	<i>Minhaj al-Talibin</i>
Jumlah Perkataan	256	267	315

PROSEDUR KAJIAN

Kesemua 47 peserta kajian merupakan pelajar baru di Fakulti Pengajian Islam. Mereka telah menduduki peperiksaan penilaian tahap kemahiran bahasa Arab pada awal semester dan didapati berada pada tahap sederhana. Peserta ditempatkan dalam 3 kumpulan secara rawak untuk subjek PPPY1112 Kemahiran Membaca Teks Arab. Subjek ini merupakan subjek baru yang tidak pernah mereka belajar di peringkat menengah. Oleh itu peserta kajian tidak mempunyai pengalaman untuk membaca teks Arab secara kendiri di luar waktu kelas. Sebelum eksperimen sebenar dijalankan, peserta telah diberikan latihan teknik membaca teks Arab selama 5 minggu. Ini bertujuan supaya peserta mendapat sedikit pengalaman membaca teks Arab yang diperlukan

pada eksperimen nanti. Setelah 5 minggu, peserta kajian diberi ujian kefahaman pra selama sejam. Ujian mengandungi petikan teks untuk dibaca dan difahami serta soalan menguji tahap kefahaman. Teks ujian belum pernah dibaca oleh peserta sebelum ini. Proses intervensi bermula pada minggu seterusnya.

Setelah itu peserta diberikan dua petikan teks 1 pada minggu tujuh dan teks 2 pada minggu kelapan untuk dihabiskan. Mengambil kira konsep Bacaan Ekstensif, peserta menghabiskan bacaan teks 1 dan 2 di luar kelas. Namun perkembangan pembacaan sentiasa dipantau untuk mengetahui samada tugasannya luar kelas dilaksanakan sepenuhnya. Pada minggu seterusnya, ujian pasca dilakukan dengan objektif mengukur kefahaman dari bacaan teks. Prosedur kajian diringkaskan dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Ringkasan Prosedur Kajian Berdasarkan Minggu

Minggu	Tindakan
1 – 5	Peserta kajian menjalani latihan membaca teks Arab
6	Ujian Pra mengenai kefahaman teks
7 – 8	Intervensi NR dijalankan
9	Ujian Pasca mengenai kefahaman teks

DAPATAN KAJIAN

Persoalan kajian ini adalah adakah terdapat perbezaan yang signifikan kepada kefahaman teks berkaitan Islam oleh pelajar pengajian Islam

sebelum dan selepas pelaksanaan aktiviti NR. Dengan erti kata lain, kajian ingin menentukan sama ada min bagi dua set markah ujian kefahaman teks adalah sama ataupun berbeza.

JADUAL 3. Min ujian kefahaman sebelum dan selepas intervensi

	Min	N	Sisihan Piawai	Min Ralat Piawai
Pra	54.13	47	9.899	1.444
Pasca	58.89	47	10.540	1.537

Jadual 3 menunjukkan maklumat statistik deskriptif bagi data yang dikaji. Nilai min bagi boleh ubah kefahaman pelajar pengajian Islam terhadap bacaan teks Arab fikah untuk sebelum dan selepas aktiviti NR dilaksanakan. Min markah kefahaman teks selepas pelaksanaan NR menunjukkan nilai yang lebih tinggi iaitu 58.89, berbanding min markah kefahaman teks sebelum aktiviti NR. Sebelum intervensi NR, sampel kajian hanya peroleh 54.13 min dari markah ujian kefahaman yang diduduki. Perbezaan ini

menunjukkan terdapat peningkatan kefahaman pelajar pengajian Islam terhadap teks Islamik yang dibaca selepas pendekatan NR. Nilai Sisihan Piawai yang diperoleh sebelum dan selepas intervensi juga menggambarkan serakan data markah yang hampir sama.

Terdapat perbezaan min markah ujian kefahaman sebanyak 4.766 antara sebelum dan selepas intervensi. Namun adakah nilai perbezaan ini signifikan secara statistik? Jadual 4. menunjukkan maklumat lanjut terutama nilai p.

JADUAL 4. Perbezaan Pasangan Sebelum dan Selepas

	Perbezaan Pasangan				t	dk	Sig. (2-tailed)
	Min	Sisihan Piawai	Min Ralat Piawai	95% Selang Keyakinan Perbezaan			
				Bawah			
Pra – Pasca	-4.766	11.726	1.710	-8.209	-1.323	-2.787	.46 .008

Nilai *p* (*t* = -2.78, *p* = 0.008) yang ditunjukkan pada ruang sig. lebih kecil dari 0.05. Dengan kata lain, nilai ini merumuskan bahawa terdapat perbezaan signifikan secara statistik antara kefahaman teks Islamik oleh pelajar pengajian Islam sebelum dan selepas intervensi NR. Keputusan ini menjadi bukti bahawa pelaksanaan pendekatan NR mempunyai kebarangkalian statistik untuk meningkatkan kefahaman teks yang dibaca.

Purata perbezaan markah didapati sebanyak 4.76 markah pada 95 peratus Selang Keyakinan bermula dari 1.32 hingga 8.20. Saiz kesan intervensi pula dikenal pasti menerusi pengiraan *eta squared*, iaitu η^2 adalah 0.144. Berdasarkan panduan terjemahan

nilai η^2 oleh Cohen (1988), saiz kesan intervensi NR boleh dianggap besar. Formula pengiraan *eta squared* seperti berikut;

$$\frac{t^2}{t^2 + (N - 1)} = \frac{(2.79)^2}{(2.79)^2 + 47 - 1}$$

PERBINCANGAN

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesan pendekatan NR terhadap kefahaman teks berbahasa Arab yang berkaitan Islam, terutamanya pada pelajar bidang pengajian Islam. Adalah penting untuk pelajar pengajian Islam menguasai bidang

pengajian mereka. Justeru, latar dorongan kajian ini adalah untuk melihat prospek pendekatan NR bagi meningkatkan penguasaan pelajar dalam bidang pengajian Islam, khususnya memahami sumber bacaan primer bidang.

Berdasarkan dapatan kajian yang dipersembahkan sebelum ini, terdapat petunjuk yang positif dalam jawapan kepada persoalan kajian. Kumpulan kajian yang terdiri dari 47 sampel telah menunjukkan peningkatan dalam markah ujian kefahaman setelah intervensi NR dijalankan. Purata peningkatan markah adalah sebanyak 4 poin. Perbezaan markah sebelum dan selepas aktiviti NR juga menunjukkan perbezaan yang signifikan secara statistik. Dengan kata lain, perbezaan markah yang ditunjukkan melalui peningkatan pencapaian adalah bermakna dan praktikal. Selain itu, kesan pendekatan NR dinilai besar mengikut pengiraan *eta squared*. Saiz kesan adalah hasil utama kajian kuantitatif. Walaupun nilai *p* dapat memberitahu penyelidik mengenai kewujudan kesan, nilai *P* tidak dapat mendedahkan saiz kesannya. Saiz kesan membantu para penyelidik atau pembaca memahami besarnya perbezaan yang dijumpai. Manakala signifikan secara statistik bertujuan untuk meneliti samada penemuan itu mungkin disebabkan secara kebetulan atau tidak (Sullivan dan Feinn 2012).

Dapatan kajian ini bukanlah terpencil. Ia diperkuuhkan dengan kajian lain sebelum ini yang menemukan dapatan yang sama. NR terbukti meningkatkan kefahaman terhadap teks yang dibaca seperti yang ditunjukkan oleh kajian Chang dan Millett (2017) dan Kim (2015). Dapatan kajian juga amat selari dengan teori Krashen (2004) berhubung faktor kefahaman teks bacaan yang sama dari sudut topik atau bidang.

Faktor utama di sebalik angka-angka yang positif ini adalah perkaitan yang jelas dan rapat antara teks yang digunakan. Fakta yang sedia maklum bahawa topik yang mempunyai maklumat berkaitan adalah faktor penting untuk membantu kefahaman membaca teks (Carrell dan Eisterhold 1983; Kim 2015; Krashen 2004; Langer et al. 1990). Sejauh mana pembaca dapat membina makna teks yang dibaca banyak bergantung kepada maklumat terdahulu yang berkaitan. Jika pembaca mempunyai pengetahuan yang banyak mengenai topik tersebut, kefahamannya akan lebih baik berbanding mereka yang kurang pengetahuan latar. Dalam kajian ini, teks yang digunakan adalah berkait rapat. Bahkan sarjana Islam telah pun menyusunnya dalam satu kategori dalam bidang fikah Islam.

Berbanding pendekatan membaca teks yang sama berulang kali, NR terbukti lebih berkesan dalam memperkuuhkan pengetahuan dalam topik yang sama. Apa yang berlaku dalam kajian ini, pelajar seolah-olah membaca teks yang sama tapi berbeza. Menurut Kim (2015), kumpulan NR berdasarkan tema mempunyai kemungkinan yang lebih besar untuk memperoleh lebih maklumat berkaitan tema berbanding kumpulan yang membaca teks yang sama.

Antara faktor yang memungkinkan dapatan kajian ini yang positif ialah unsur leksikal dalam teks NR. Mengambil kira bahawa kefahaman kuat bergantung kuat kepada pengetahuan kosa kata (Khaldieh 2001; Kim 2015; Schmitt dan Carter 2000), bukan satu yang mengejutkan apabila kumpulan rawatan NR berdasarkan topik menunjukkan peningkatan apabila membaca teks yang mengandungi unsur pengulangan leksikal.

Analisis linguistik material yang digunakan dalam kajian menggambarkan sejauh mana pengetahuan kosa kata membantu sampel kajian memahami teks ujian, sekali gus menghasilkan dapatan yang positif. Perkataan yang paling penting dalam analisis teks kajian ini adalah kata isi (*content words*). Kata isi merupakan petunjuk yang menentukan perbezaan atau persamaan antara teks (Schmitt dan Carter 2000). Jadual 5. menunjukkan jenis (*type*) kata isi dan kekerapan dalam petikan Umdah al-Salik (teks 2 NR sebagai contoh analisis) dan petikan Minhaj al-Talibin (teks ujian). Jadual 5. mengandungi 24 jenis kata isi yang mempunyai pengulangan lima kali dan ke atas.

JADUAL 5. Kekerapan Kata isi petikan Umdah al-Salik dan Minhaj al-Talibin

	Kata Isi	Kekerapan		Kata Isi	Kekerapan
1	هـ	18	13	ثـانـيـة	6
2	الـهـ	17	14	اضـحـى	6
3	كـبـيرـ	11	15	ظـهـرـ	6
4	صـلـاـة	10	16	بـنـدـبـ	6
5	أـكـبـرـ	10	17	اـخـرـ	6
6	يـكـبـرـ	10	18	هـ	6
7	تـكـبـيرـ	9	19	اـمـامـ	5
8	قـبـلـ	9	20	اـولـى	5
9	عـيدـ	8	21	وـقـتـ	5
10	لـيلـ	8	22	بـسـنـ	5
11	بـعـدـ	8	23	غـيـرـ	5
12	فـطـرـ	7	24	هـيـ	5

24 jenis kata isi ini mempunyai pengulangan yang tinggi dalam teks 2 NR dan teks ujian. Kata isi ini sahaja membentuk 32.8 peratus (191 patah perkataan) daripada keseluruhan bilangan perkataan 582 kata isi. Jika pengulangan jenis kata isi dikira pada kadar minimum iaitu berulang sebanyak sekali pada teks ujian, keseluruhan jenis perkataan yang berulang adalah 91 jenis perkataan. Ia bersamaan 60.6 peratus (353 patah perkataan) daripada keseluruhan 582 perkataan. Angka-angka ini menggambarkan sejauh mana NR dalam kajian ini membantu sampel pelajar pengajian Islam memahami teks melalui pengulangan kosa kata. Pengulangan perkataan dalam kajian ini berlaku sehingga 60 peratus daripada keseluruhan perkataan, dengan 32 peratus daripadanya berulang dengan banyak kali. Menurut Schmitt dan Carter (2000), pembaca perlu mengetahui peratusan perkataan yang tinggi dari sebuah teks untuk memahami inti pati satu perenggan atau meneka perkataan yang tidak diketahui.

Analisis linguistik juga menunjukkan bahawa teks 2 NR (sebagai contoh analisis) mengurangkan beban leksikal dalam teks ujian. Teks ujian meskipun mengandungi 315 patah perkataan, ia sebenarnya mengandungi 161 jenis perkataan.

Analisis mendedahkan bahawa 91 jenis perkataan teks ujian telah diperkenalkan oleh teks 2 NR, iaitu sebanyak 56.5 peratus. Sebahagian besar adalah kata nama khas. Kata nama khas seperti Solat, Allah, Takbir, Raya dan lain-lain berulang dengan banyak kali seperti Jadual 5. Ini bermakna sampel ketika membaca teks ujian, beliau sebenarnya telah berbekal lebih separuh perkataan yang diperlukan dan hampir keseluruhan pengetahuan latar untuk memahami teks. Keadaan ini sangat membantu untuk kecekapan dan keberkesanan membaca. Menurut Schmitt dan Carter (2000), apabila satu kata nama biasa ditemui, pengulangan berikutnya tidak banyak mengundang masalah. Malahan lebih banyak kata nama khas diulang, lagi mudah buat membaca.

Selain bantuan memahami perkataan, teks NR kajian ini juga membantu sampel memahami penyataan ayat. Menurut Kim (2015), NR berdasarkan tema dilihat memberi bantuan dalam memahami penyataan ayat yang ditulis dengan ciri sintetik yang kompleks atau sukar. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6, analisis perbandingan antara teks 2 NR dan teks ujian dalam kajian ini mendedahkan beberapa penyataan yang menyampaikan maksud yang sama tetapi melalui pelbagai cara.

JADUAL 6. Penyataan yang pelbagai struktur tetapi sama maksud

Teks 2 NR	Teks Ujian
ويندب لها الجماعة	شرع جماعةً للمنفرد والعبد والمرأة والمسافر
ينطبل ويلبس أحسن ثيابه	التطيب والتزيين كالجمعة
يكرُّ في الأولى بعد الاستغفار	يأتي بدعاء الافتتاح ثم سبع تكبيرات
ويذكُّر الله تعالى بينهنَّ	يقف بين كل ثنتين كافية معتدلة يهل ويكبر ويحمد ويسبحن الله والحمد لله ولا إله إلا الله والله أكبر
وشرع في التعوذ فاتح	شرع في القراءة فافتتح
وهو: الله أكْبَرْ كِبِيرًا إلى آخره	كبيراً والحمد لله كثيراً وسبحان الله بكرة وأصيلاً
ويندب من ارتفاعها قدر رمح	ويسن تأخيرها لترفع كرم

Ayat penyataan yang digunakan dalam dua teks kajian adalah berbeza walaupun kedua-duanya cuba untuk menyampaikan idea yang sama. Satu ayat dalam sesuatu teks boleh ditulis dalam bentuk yang mudah difahami berbanding teks yang lain. Sehubungan itu, teks 2 NR telah membantu sampel memahami dengan baik idea dalam teks ujian berdasarkan pengalaman memahami idea yang sama sebelum ini. Ayat penyataan teks ujian didapati lebih kompleks sesuai dengan tahapnya yang lebih atas, berbanding ayat penyataan teks 2 NR. Namun NR berdasarkan tema boleh bertindak sebagai intervensi yang berkesan untuk tahap ayat yang sukar, menyediakan peluang yang baik untuk

memahami ayat yang mencabar dan seterusnya membawa kepada pemahaman bacaan yang lebih baik (Kim 2015).

KESIMPULAN

Kajian ini menyediakan bukti yang empirikal bahawa pelaksanaan NR berdasarkan tema Islam berpeluang membantu pelajar pengajian Islam memahami teks islamik dengan lebih baik. Selain dapatan statistik yang positif, perbincangan dapatan mendedahkan asas-asas penting yang mewajarkan hasil kajian sedemikian. Dapatan dan perbincangan mempunyai beberapa implikasi kepada kurikulum

pengajian Islam terutama kepada pelaksanaan bacaan ekstensif.

Pemilihan teks kurikulum termasuk teks bacaan ekstensif perlu mengambil kira topik atau bidang pengajian Islam. Pelaksanaan NR didapati membantu pelajar pengajian Islam menguasai bidang pengajian dengan lebih baik. Untuk itu, pemilihan teks hendaklah secara berperingkat bermula dari tahap yang sama atau lebih rendah dari kemampuan pelajar. Bentuk pemilihan ini telah disuarakan oleh Krashen (2004) dan Chang dan Millett (2017). Pada masa yang sama, sistem pengajian Islam tradisional perlu dikaji untuk mendapatkan maklumat mengenai tahap bahan bacaan. Ini kerana sistem tersebut telah menggunakan pembelajaran secara berperingkat berdasarkan teks bacaan.

Kurikulum pengajian Islam disarankan merangkumi pelaksanaan bacaan ekstensif menggunakan pendekatan NR. Bacaan ekstensif penting untuk memberikan pendidikan yang lebih meluas dan komprehensif kepada pelajar pengajian Islam. Abdollahi dan Farvardin (2016), Jeon dan Day (2016) dan Lee dan Mallinder (2017) mencadangkan agar Bacaan ekstensif dimasukkan dalam kurikulum di samping kaedah Bacaan intensif. Ini kerana hasil kajian sebelum ini secara konsisten menunjukkan keberhasilan dan kemajuan pelajar.

Pada masa yang sama, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan yang lebih komprehensif dan sistematik mengenai keberkesanan NR untuk pengajian Islam dilaksanakan. Kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan ialah kajian keberkesanan perbandingan antara NR berdasarkan bidang, topik dan penulis. Ia juga boleh melibatkan kumpulan rawatan dan kawalan. Untuk meningkatkan ketekalan dan kebolehpercayaan dapatan, kajian jangka masa panjang yang melibatkan penilaian berkala boleh dilakukan kepada pencapaian pelajar pengajian Islam yang mengikuti pelaksanaan NR. Dapatkan kajian seumpama ini dapat memberikan bukti yang lebih kukuh dan keyakinan kepada pelaksanaan NR dalam bidang pengajian Islam.

RUJUKAN

- Abdollahi, M. dan Farvardin, M.T. 2016. Demystifying the Effect of Narrow Reading on EFL Learners' Vocabulary Recall and Retention. *Education Research International* 2016.
- Carrell, P.L. dan Eisterhold, J.C. 1983. Schema theory and ESL reading pedagogy. *TESOL quarterly* 17(4): 553–573.
- Chang, A.C. dan Millett, S. 2017. Narrow reading: Effects on EFL learners' reading speed, comprehension, and perceptions. *Reading in a Foreign Language* 29(1): 1–19.
- Cohen, J. 1988. Statistical power analysis for the behavioral sciences. Lawrence Erlbaum Associates.
- al-Habsyi, A. 2004. *Jami al Syuruh wa al Hawasyi. al Majma' al Thaqafi*: Abu Dhabi.
- Jeon, E.-Y. dan Day, R.R. 2016. The effectiveness of ER on reading proficiency: A meta-analysis. *Reading in a Foreign Language* 28(2): 246–265.
- al-Kaf, H.A. 2003. *al Taqrirat al Sadidah. Dar al Ilm wa al Da'wah*: Riyadh.
- Khaldieh, S.A. 2001. The Relationship between Knowledge of Icraab, Lexical Knowledge, and Reading Comprehension of Nonnative Readers of Arabic. *The Modern Language Journal* 85(3): 416–431.
- Kim, S. 2015. Effects of Repeated Reading and Theme-Based Narrow Reading on Korean EFL Middle School Learners' Vocabulary Learning and Reading Comprehension. Graduate School of Seoul National University.
- Krashen, S.D. 2004. The case for narrow reading. *Language Magazine* 3(5): 17–19.
- Langer, J.A., Bartolome, L., Vasquez, O. dan Lucas, T. 1990. Meaning construction in school literacy tasks: A study of bilingual students. *American Educational Research Journal* 27(3): 427–471.
- Lee, H. dan Mallinder, M. 2017. Role of Extensive Reading in EFL Vocabulary Development: Review and Recommendation. *The English Teacher XL*: 145–163.
- Al Muslim Mustapa. 2018. The Prospects of Narrow Reading in Arabic Language for Religious Students (Islamic Studies). *Islamiyyat* 40(1): 81–87.
- Pallant, J. 2011. SPSS survival manual, 3rd. Allen dan Unwin.
- Schmitt, N. dan Carter, R. 2000. The lexical advantages of narrow reading for second language learners. *Tesol Journal*: 4–9.
- Sullivan, G.M. dan Feinn, R. 2012. Using Effect Size—or Why the P Value Is Not Enough. *Journal of Graduate Medical Education* 4(3): 279–282.
- al-Yafi'e, A.F. 2005. *al Tamazhub: Dirasah Ta'siliyah Muqaranah li Masail wa Ahkam al Tamazhub*. Muassasah al Risalah: Damsyik.

PENGARANG

Dr. Al-Muslim Mustapa @ Ab Rahim
Program Bahasa Arab
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
almuslim@ukm.edu.my

Zulkifli Nawawi
Program Bahasa Arab
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
zulkiflinawawi@ukm.edu.my

Salamiah Ab. Ghani
Program Bahasa Arab
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
salma@ukm.edu.my

Maryam Abdul Rahman
Program Bahasa Arab
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
maryamabdulrahman@ukm.edu.my

Zuraida Shaadon
Program Bahasa Arab
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
zuraida@ukm.edu.my

Nur Syazwina Mustapa
Program Bahasa Arab
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
syazwina@ukm.edu.my